JOURNAL OF CREATIVE INDUSTRY AND SUSTAINABLE CULTURE

https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jcisc

How to cite this article:
Nazarul Nadia Binti Abdul Ghani, Nur Fatin Binti Zolkifle, & Nazrul Azha Abu Hassan. (2026). Representasi Budaya Tradisional Melalui Mise-En-Scene Dalam Filem Ola Bola (2016). *Journal of Creative Industry and Sustainable Culture*, 5, 254–275. https://doi.org/10.32890/jcisc2026.5.15

# REPRESENTASI BUDAYA TRADISIONAL MELALUI MISE-EN-SCENE DALAM FILEM OLA BOLA (2016)

## *(THE REPRESENTATION OF TRADITIONAL CULTURE THROUGH MISE-EN-SCÈNE IN THE FILM OLA BOLA 2016 )*

**[1]Nazarul Nadia Binti Abdul Ghani, [2]Nur Fatin Binti Zolkifle,[3]Nazrul Azha Abu Hassan**
[1,2,3]School of Creative Industry Management and Performing Arts
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

*[1]Corresponding author: nazarul@uum.edu.my*

Received: 28/7/2026 Revised: 17/10/2026 Accepted: 29/10/2026 Published: 31/10/2026

## ABSTRACT

This study examines the representation of traditional culture in the film Ola Bola (2016) through an analysis of mise-en-scène elements. The study was motivated by the tendency of previous research to focus predominantly on patriotism, unity and national identity, while the construction of cultural meaning through the visual language of film remains relatively underexplored. A qualitative approach was employed through visual content analysis, with cultural spaces and locations selected using purposive sampling. The data were analysed based on mise-en-scène elements, comprising setting, props, costumes, lighting, colour and blocking, through repeated viewings, theme development and cultural interpretation. The findings identify three main forms of traditional cultural representation: domestic spatial culture, community culture and public spatial culture. These three spatial categories demonstrate that the arrangement of mise-en-scène elements not only establishes the narrative setting and aesthetic dimensions of the film but also constructs cultural meanings through the relationships between spaces, objects, characters and the social practices of the community. Theoretically, this study extends the understanding of mise-en-scène as a mechanism for representing living traditional culture, whereby traditional culture is conveyed through everyday practices and social interactions rather than solely through explicit heritage symbols. This study also offers a visual analytical approach that may benefit media researchers and filmmakers in understanding and developing more contextually grounded cultural representations in Malaysian cinema.

**Keywords:** Ola Bola; Mise-En-Scène; Traditional Culture; Living Culture; Cultural Representation.

**ABSTRAK**

Kajian ini meneliti representasi budaya tradisional dalam filem *Ola Bola* (2016) melalui analisis elemen *mise-en-scène*. Kajian ini dijalankan berikutan kecenderungan penyelidikan terdahulu yang lebih memfokuskan aspek patriotisme, perpaduan dan identiti nasional, sedangkan pembentukan makna budaya melalui bahasa visual filem masih kurang diterokai. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan visual dengan pemilihan ruang dan lokasi budaya secara *purposive sampling*. Data dianalisis berdasarkan elemen *mise-en-scène* yang merangkumi *setting*, *props*, kostum, pencahayaan, warna dan *blocking* melalui tontonan berulang, pembentukan tema serta interpretasi budaya. Dapatan kajian mengenal pasti tiga bentuk utama representasi budaya tradisional, iaitu budaya ruang kediaman, budaya komuniti dan budaya ruang awam. Ketiga-tiga ruang tersebut memperlihatkan bahawa organisasi elemen *mise-en-scène* bukan sekadar membentuk latar dan estetika penceritaan, tetapi turut menghasilkan makna budaya melalui hubungan antara ruang, objek, watak dan amalan sosial masyarakat. Dari sudut teoretikal, kajian ini memperluas pemahaman terhadap *mise-en-scène* sebagai mekanisme representasi *living traditional culture*, iaitu budaya tradisional yang dimaknakan melalui amalan kehidupan harian dan interaksi sosial, bukan semata-mata melalui simbol warisan yang eksplisit. Kajian ini turut menawarkan pendekatan analisis visual yang boleh dimanfaatkan oleh penyelidik media dan pembikin filem dalam memahami serta membina representasi budaya yang lebih kontekstual dalam sinema Malaysia.

**Kata kunci:** Ola Bola, Mise-En-Scene, Budaya Tradisional, Budaya Hidup, Representasi Budaya.

## PENGENALAN

### 1.0 Latar Belakang Kajian

Perkembangan industri perfileman telah memperluas fungsi filem daripada medium hiburan kepada medium representasi budaya yang merakam nilai sosial, sejarah dan cara hidup masyarakat. Melalui gabungan imej, bunyi dan naratif, filem bukan sahaja menggambarkan realiti sosial, malah turut membentuk cara khalayak memahami identiti budaya. Menurut Hall (1997), representasi ialah proses penghasilan dan pertukaran makna melalui bahasa, tanda dan imej. Oleh itu, filem dapat dibaca sebagai teks budaya yang membina makna, bukan sekadar mencerminkan kehidupan masyarakat Pembentukan makna budaya dalam filem turut berlaku melalui organisasi visual, bukan hanya melalui naratif dan dialog. Dalam kajian filem, organisasi ini berkait dengan *mise-en-scène* yang merangkumi setting, costume and makeup, lighting dan staging (Bordwell et al., 2020). Pemilihan ruang, objek, pakaian, warna dan kedudukan watak boleh membentuk hubungan antara individu dengan persekitaran sosialnya. Justeru, *mise-en-scène* menjadi pendekatan yang sesuai untuk meneliti bagaimana pengalaman budaya dihadirkan secara visual.

Budaya tradisional dalam kajian ini tidak dibatasi kepada adat, ritual atau simbol warisan yang bersifat seremonial. Budaya juga hadir melalui amalan kehidupan seharian, hubungan kekeluargaan, penggunaan ruang, makanan, pakaian dan interaksi komuniti. Pemahaman ini selari dengan konsep living heritage yang menekankan bahawa amalan, pengetahuan, objek dan ruang budaya diwariskan serta sentiasa dicipta semula oleh komuniti mengikut persekitaran dan sejarah mereka (UNESCO, 2003). Berasaskan pemahaman tersebut, living traditional culture merujuk kepada amalan budaya tradisional yang terus dihidupkan melalui rutin dan hubungan sosial masyarakat, bukannya tinggal sebagai peninggalan masa lampau.

Dalam filem, *living traditional culture* boleh direpresentasikan melalui unsur yang kelihatan biasa, seperti susunan perabot, ruang kediaman, makanan, radio, basikal dan aktiviti bersama keluarga atau komuniti. Unsur ini bukan semata-mata hiasan latar maknanya terbentuk melalui cara watak menggunakan objek, menghuni ruang dan berinteraksi antara satu sama lain. Hubungan antara amalan dengan objek serta ruang budaya turut diiktiraf dalam kerangka warisan budaya tidak ketara UNESCO (2003). Oleh itu, analisis visual perlu meneliti bukan sahaja kehadiran sesuatu elemen, tetapi juga bagaimana elemen tersebut membina makna budaya dalam kehidupan harian yang dipaparkan.

Dalam perfileman Malaysia, budaya tradisional mudah dikaitkan dengan filem sejarah atau epik yang menampilkan adat istiadat, pakaian tradisional dan simbol warisan secara jelas. Namun, representasi budaya tidak terbatas kepada genre tersebut. Filem yang berlatarkan kehidupan masyarakat juga berpotensi memperlihatkan tradisi melalui ruang domestik, objek harian dan amalan sosial. Hal ini menuntut penelitian terhadap bagaimana budaya divisualkan, khususnya apabila unsur tradisional hadir secara halus dalam dunia sinematik.

Berdasarkan kerangka representasi Hall (1997), makna sesuatu objek tidak wujud secara semula jadi, sebaliknya terbentuk dalam konteks budaya. Oleh itu, rumah, makanan atau pakaian dalam filem perlu dibaca melalui hubungan visualnya dengan watak dan amalan sosial, bukan hanya dikenal pasti sebagai objek fizikal. Di sinilah *mise-en-scène* berperanan sebagai asas analisis untuk menghubungkan susunan visual dengan pembentukan makna *living traditional culture.*

Filem *Ola Bola* (2016), arahan Chiu Keng Guan, memberikan konteks yang sesuai untuk penelitian tersebut. Walaupun filem ini sering dikenali melalui naratif sukan, patriotisme, perpaduan kaum dan pembentukan identiti nasional, dunia visual *Ola Bola* turut memperlihatkan kehidupan masyarakat Malaysia melalui pelbagai ruang sosial dan domestik. Kehadiran rumah keluarga, ruang kejiranan, warung, padang permainan, basikal, radio, perabot, makanan, pakaian harian dan interaksi antara anggota keluarga serta komuniti membentuk gambaran kehidupan masyarakat yang tidak dipersembahkan sebagai pertunjukan budaya secara dramatik. Sebaliknya, elemen tersebut hadir secara naturalistik sebagai sebahagian daripada kehidupan watak. Keadaan ini menjadikan filem *Ola Bola* sesuai dianalisis melalui perspektif *living traditional culture*, khususnya bagi memahami bagaimana unsur budaya boleh terus wujud dalam filem kontemporari melalui perkara yang kelihatan biasa dan rutin.

Pemilihan filem *Ola Bola* juga mempunyai asas berdasarkan kecenderungan kajian terdahulu terhadap filem tersebut. Deraman dan Abdul Razak (2018), misalnya, menjalankan analisis tematik terhadap *Ola Bola* dengan memberi perhatian kepada elemen perpaduan dan patriotisme yang direpresentasikan dalam filem. Kajian tersebut menunjukkan bagaimana filem digunakan sebagai medium untuk menyampaikan nilai patriotik serta hubungan antara kaum dalam masyarakat Malaysia. Maheendran (2017) pula meneliti representasi multikulturalisme dalam filem *Ola Bola* menggunakan *Structuralist Film Theory* dan mengenal pasti tema seperti persahabatan antara kaum, interaksi silang budaya, penggunaan dialog pelbagai bahasa, representasi komuniti minoriti dan penerimaan perbezaan kaum. Kedua-dua kajian tersebut memperlihatkan kepentingan *Ola Bola* sebagai teks yang membicarakan identiti masyarakat Malaysia, tetapi fokus utamanya lebih menjurus kepada perpaduan, patriotisme dan multikulturalisme.

Kecenderungan yang hampir sama dapat dilihat dalam kajian Azman dan Wan Mahmud (2019) yang menggunakan filem *Ola Bola* dalam penelitian mengenai tahap literasi media mahasiswa terhadap pemahaman mesej patriotisme. Kajian tersebut memberikan perhatian terhadap bagaimana khalayak memahami mesej patriotik yang terkandung dalam filem. Dalam perkembangan yang lebih terkini, Ayob (2024) meneliti semula filem *Ola Bola* melalui persoalan identiti nasional dan konsep Bangsa Malaysia daripada perspektif Islam. Kajian tersebut menggunakan analisis tematik dan sorotan literatur untuk membincangkan bagaimana identiti nasional serta masyarakat pluralistik dibentuk melalui filem.

Keseluruhan kecenderungan ini menunjukkan bahawa filem *Ola Bola* telah menerima perhatian akademik sebagai filem yang signifikan dalam membincangkan perpaduan, patriotisme, multikulturalisme dan identiti nasional.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang dibincangkan, penelitian terhadap Ola Bola lebih menumpukan perpaduan, patriotisme, multikulturalisme dan identiti nasional. Perhatian khusus terhadap bagaimana *setting, props, costume, lighting, colour* dan *blocking* merepresentasikan amalan budaya tradisional dalam kehidupan seharian masih terbatas. Jurang kajian ini bukan sekadar persoalan elemen visual apa yang muncul, tetapi bagaimana hubungan antara ruang, objek dan tindakan watak membina makna budaya sebagai amalan yang hidup. Dengan itu, penelitian *mise-en-scène* dapat melengkapkan pembacaan berasaskan tema dan mesej yang telah diketengahkan.

Berdasarkan jurang tersebut, kajian ini memfokuskan *living traditional culture* dalam filem Ola Bola melalui analisis *mise-en-scène*. Kajian tidak menolak pembacaan terdahulu tentang nasionalisme atau perpaduan, sebaliknya menawarkan sudut penelitian yang berbeza dengan meneliti kehidupan budaya yang terbentuk melalui organisasi visual. Secara khusus, kebaharuan kajian terletak pada usaha menghubungkan pengenalpastian elemen *mise-en-scène* dengan pentafsiran makna amalan budaya harian, berpandukan teori representasi Hall (1997) dan pemahaman warisan budaya yang hidup (UNESCO, 2003).

Sehubungan itu, kajian ini mempunyai dua objektif, pertama mengenal pasti elemen mise-en-scène yang merepresentasikan *living traditional culture* dalam filem Ola Bola (2016) dan yang kedua menganalisis bagaimana organisasi elemen *mise-en-scène* tersebut membina makna *living traditional culture* melalui ruang, objek dan amalan kehidupan seharian. Selaras dengan objektif tersebut, dua persoalan kajian dikemukakan, pertama apakah elemen *mise-en-scène* yang merepresentasikan *living traditional culture* dalam filem Ola Bola (2016) dan yang kedua bagaimanakah organisasi elemen *mise-en-scène* membina makna *living traditional culture* melalui ruang, objek dan amalan kehidupan seharian dalam filem tersebut.

Kajian ini dijangka menyumbang kepada kajian filem dan budaya dengan memperlihatkan *mise-en-scène* sebagai mekanisme pembentukan makna budaya, bukan semata-mata unsur estetik. Berbeza daripada kecenderungan kajian Ola Bola yang menekankan mesej perpaduan dan identiti nasional, kajian ini meneliti bagaimana budaya tradisional yang hidup dapat difahami melalui rutin domestik, hubungan komuniti dan penggunaan ruang serta objek. Sumbangan utamanya ialah pembacaan visual yang menghubungkan bentuk sinematik dengan amalan budaya seharian.

Dari sudut teori, kajian ini menggunakan konsep *mise-en-scène* sebagai asas untuk mengenal pasti dan menganalisis organisasi visual filem, manakala teori representasi Hall digunakan bagi memahami bagaimana elemen visual menghasilkan makna budaya. Perspektif budaya interpretif Geertz (1973) turut memberikan asas untuk melihat budaya sebagai jaringan makna yang dibentuk dan ditafsir oleh manusia, sementara konsep *habitus* Bourdieu (1977) membantu memahami bagaimana amalan, kecenderungan dan tindakan harian berkait dengan struktur sosial yang telah sebati dalam kehidupan masyarakat. Penggunaan perspektif-perspektif tersebut membolehkan elemen visual tidak hanya dikenal pasti berdasarkan bentuk fizikalnya, tetapi ditafsir berdasarkan makna budaya dan amalan sosial yang direpresentasikan dalam filem.

Dari sudut metodologi, kajian ini menggunakan analisis budaya visual dengan mise-en-scène sebagai lensa untuk mengenal pasti dan mentafsir unsur budaya dalam babak terpilih. Pendekatan ini membolehkan unsur yang kelihatan biasa diteliti melalui hubungannya dengan tindakan watak dan kehidupan sosial. Dari sudut praktikal, dapatan kajian berpotensi membantu pembikin filem, sinematografer dan pereka produksi memahami bagaimana identiti budaya dapat dibentuk secara organik

melalui ruang, objek, pakaian, pencahayaan dan suasana tanpa bergantung sepenuhnya pada simbol warisan yang eksplisit.

Walaupun penelitian ini melihat *Ola Bola* daripada perspektif budaya yang luas, skop kajian ditetapkan secara khusus bagi memastikan analisis kekal selaras dengan objektif penyelidikan. Kajian hanya memfokuskan filem *Ola Bola* (2016) arahan Chiu Keng Guan sebagai kajian kes. Analisis memberikan perhatian kepada elemen *mise-en-scène* yang mempunyai hubungan langsung dengan representasi budaya tradisional, khususnya *setting*, *costume*, *props*, *lighting*, *colour* dan *blocking*. Aspek sinematografi seperti jenis lensa, pergerakan kamera dan sudut kamera, serta aspek penyuntingan dan reka bentuk bunyi tidak menjadi fokus utama kecuali apabila mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan makna budaya dalam babak yang dianalisis.

Dari sudut budaya, kajian memberikan tumpuan kepada bentuk *living traditional culture* yang direpresentasikan melalui kehidupan harian masyarakat seperti institusi kekeluargaan, ruang kediaman, hubungan komuniti, objek budaya, makanan, pakaian, amalan sosial serta suasana budaya. Kajian ini tidak bertujuan menilai ketepatan sejarah filem atau melakukan analisis menyeluruh terhadap ideologi politik, nasionalisme, prestasi bola sepak mahupun keberkesanan naratif *Ola Bola*. Batasan tersebut penting bagi memastikan penelitian kekal tertumpu kepada persoalan utama kajian, iaitu bagaimana budaya tradisional dapat dikenal pasti dan ditafsir melalui organisasi visual *mise-en-scène*. Melalui pendekatan ini, kajian berusaha menunjukkan bahawa budaya tradisional dalam sinema kontemporari tidak semestinya hilang apabila latar masyarakat bergerak menuju kemodenan. Sebaliknya, budaya tersebut boleh terus hadir secara lebih halus melalui ruang yang dihuni, objek yang digunakan, pakaian yang dikenakan, makanan yang dikongsi, hubungan yang dibentuk dan suasana kehidupan yang divisualkan dalam filem.

## SORATAN KAJIAN

### 2.1 Budaya Tradisional sebagai Budaya Hidup

Budaya tradisional merupakan konsep yang mempunyai hubungan rapat dengan identiti, sejarah dan kesinambungan kehidupan sesebuah masyarakat. Dalam pemahaman konvensional, budaya tradisional sering dikaitkan dengan bentuk warisan yang mudah dikenal pasti seperti adat istiadat, pakaian tradisional, seni bina, ritual, seni persembahan dan objek warisan. Walau bagaimanapun, pemahaman tersebut tidak mencukupi untuk menjelaskan keseluruhan proses budaya kerana budaya bukan sahaja hadir melalui artifak atau amalan formal, tetapi turut berkembang melalui pengalaman kehidupan harian masyarakat. Dalam konteks kajian ini, budaya tradisional tidak ditafsir sebagai warisan yang terhad kepada simbol budaya yang bersifat eksplisit, sebaliknya difahami sebagai satu bentuk amalan sosial yang terus diamalkan, diwariskan dan disesuaikan dalam kehidupan masyarakat.

Pemahaman tersebut mempunyai hubungan dengan konsep *living heritage* yang menekankan kesinambungan budaya melalui proses pewarisan dan penciptaan semula oleh masyarakat. UNESCO (2003) menjelaskan bahawa warisan budaya tidak ketara merangkumi amalan, representasi, ekspresi, pengetahuan dan kemahiran, termasuk instrumen, objek, artifak serta ruang budaya yang berkaitan dengannya. Warisan tersebut diwariskan daripada satu generasi kepada generasi berikutnya dan sentiasa dicipta semula oleh komuniti berdasarkan persekitaran, interaksi dengan alam serta sejarah kehidupan mereka. Perspektif ini menunjukkan bahawa tradisi bukan sesuatu yang terhenti pada masa lampau, tetapi terus memperoleh makna melalui masyarakat yang mengamalkannya.

Konsep *living heritage* juga membolehkan hubungan antara tradisi dan kemodenan difahami secara lebih dinamik. Sesuatu amalan tidak semestinya kehilangan sifat tradisional apabila berada dalam masyarakat moden. Sebaliknya, perubahan bentuk, ruang dan konteks boleh menjadi sebahagian daripada proses

bagaimana sesuatu budaya terus bertahan. UNESCO menekankan bahawa *living heritage* mempunyai hubungan dengan amalan, representasi, ekspresi, pengetahuan dan kemahiran yang terus dipindahkan serta diberikan makna oleh komuniti. Oleh itu, kesinambungan budaya bergantung bukan hanya kepada usaha mengekalkan bentuk asal sesuatu tradisi, tetapi kepada bagaimana masyarakat terus mengamalkan, mentafsir dan menyesuaikannya dalam kehidupan semasa.

Perspektif ini mempunyai persamaan dengan pendekatan interpretif terhadap budaya yang dikemukakan oleh Geertz (1973). Menurut Geertz, budaya boleh difahami sebagai sistem makna yang terbentuk melalui simbol dan pengalaman sosial manusia. Dalam kerangka tersebut, tindakan atau objek tidak seharusnya ditafsir secara terasing daripada konteks sosial yang memberikan makna kepadanya. Sebuah rumah, makanan, pakaian, objek domestik atau bentuk interaksi antara ahli keluarga, misalnya, boleh membawa makna yang berbeza bergantung pada struktur sosial dan budaya masyarakat yang menggunakannya. Justeru, penelitian terhadap budaya memerlukan perhatian terhadap konteks kehidupan yang membentuk sesuatu amalan.

Pemahaman tersebut turut boleh diperluaskan melalui konsep *habitus* Bourdieu (1977), yang menerangkan hubungan antara struktur sosial dengan kecenderungan tindakan yang terbentuk melalui pengalaman kehidupan seseorang. *Habitus* membantu menjelaskan bagaimana cara bertindak, berinteraksi dan menjalani kehidupan boleh menjadi sebahagian daripada amalan yang telah sebati dalam sesuatu kelompok sosial. Dalam konteks budaya tradisional, perspektif ini membolehkan rutin kehidupan seperti hubungan kekeluargaan, penggunaan ruang kediaman, cara menyediakan dan berkongsi makanan, penggunaan objek tertentu serta bentuk interaksi komuniti dilihat sebagai sebahagian daripada pengalaman budaya yang dipelajari dan diteruskan dalam kehidupan masyarakat.

Pendekatan budaya sebagai budaya hidup amat relevan dalam kajian filem kontemporari kerana representasi budaya tidak semestinya hadir dalam bentuk upacara atau simbol warisan yang ditonjolkan secara langsung. Sebaliknya, budaya boleh hadir melalui kehidupan harian watak, hubungan kekeluargaan, ruang kediaman, makanan, pakaian, objek domestik dan persekitaran komuniti. Dalam filem *Ola Bola*, pendekatan ini membolehkan elemen seperti rumah keluarga, radio, basikal, makanan, perabot, pakaian harian dan hubungan antara anggota keluarga diteliti bukan sekadar sebagai latar penceritaan, tetapi sebagai sebahagian daripada pengalaman budaya masyarakat yang direpresentasikan oleh filem.

Oleh itu, kajian ini menggunakan istilah *living traditional culture* sebagai kerangka konseptual untuk merujuk kepada budaya tradisional yang terus hidup melalui pengalaman dan amalan kehidupan harian masyarakat. Penggunaan konsep ini tidak bertujuan mewujudkan kategori budaya yang terpisah daripada konsep *living heritage*, tetapi digunakan secara operasional bagi memberikan penekanan kepada bentuk budaya tradisional yang hadir secara naturalistik dalam kehidupan watak filem *Ola Bola*. Pendekatan tersebut membolehkan budaya dikenal pasti melalui apa yang dilakukan, digunakan dan dikongsi oleh masyarakat, bukan semata-mata berdasarkan kewujudan simbol tradisional yang jelas.

### 2.2 Filem sebagai Medium Representasi Budaya

Filem mempunyai keupayaan untuk membentuk dan menyampaikan makna budaya melalui gabungan naratif, imej, bunyi dan organisasi ruang. Filem menghasilkan pengalaman budaya melalui dunia visual dan audio yang dibentuk untuk penonton. Ruang, objek, pakaian, warna, pencahayaan dan hubungan antara watak boleh berfungsi secara serentak dalam menghasilkan pemahaman terhadap masyarakat yang direpresentasikan. Oleh sebab itu, filem tidak hanya mencerminkan realiti sosial, tetapi turut memilih, untuk menyusun dan membentuk realiti tersebut dalam sesuatu bentuk yang direpresentasi tertentu.

Konsep representasi yang dikemukakan oleh Hall (1997) menyediakan asas penting untuk memahami proses tersebut. Representasi berkaitan dengan proses penghasilan makna melalui bahasa, tanda dan sistem simbol yang digunakan oleh sesuatu budaya. Berdasarkan perspektif ini, makna tidak wujud secara semula jadi pada objek, manusia atau peristiwa, tetapi dibentuk melalui cara sesuatu perkara direpresentasikan dan ditafsirkan dalam sistem budaya. Dalam konteks filem, proses ini bermaksud imej yang dipaparkan kepada penonton tidak boleh dianggap neutral kerana pemilihan ruang, objek, pakaian, watak dan komposisi tertentu boleh menghasilkan makna sosial dan budaya berdasarkan sesebuah filem tersebut.

Sebagai contoh, rumah kayu, radio lama, meja makan, basikal atau hidangan makanan dalam sesebuah babak pada asasnya merupakan objek fizikal. Namun, apabila objek tersebut ditempatkan dalam konteks watak, ruang dan zaman tertentu, objek berkenaan boleh memberi makna yang lebih luas. Rumah boleh membawa makna kekeluargaan dan struktur kehidupan domestik; radio boleh dikaitkan dengan perkembangan teknologi komunikasi dan pengalaman sosial pada sesuatu zaman; manakala makanan boleh membawa makna mengenai hubungan keluarga, penjagaan dan amalan budaya. Dari perspektif representasi, makna tersebut terhasil melalui hubungan antara objek dengan konteks sosial yang dibina oleh filem (Hall, 1997).

Dalam konteks sinema Malaysia, filem mempunyai kedudukan yang signifikan kerana masyarakat Malaysia terdiri daripada latar etnik, bahasa, agama dan pengalaman sosial yang pelbagai. Representasi kehidupan masyarakat dalam filem dengan demikian tidak hanya berkaitan dengan pembentukan watak dan cerita, tetapi turut melibatkan bagaimana identiti sosial dan budaya divisualkan. Filem *Ola Bola* merupakan contoh yang relevan kerana dunia filemnya dibentuk melalui watak Melayu, Cina dan India serta pengalaman keluarga dan komuniti yang berbeza. Kajian Deraman dan Abdul Razak (2018), misalnya, menunjukkan bahawa filem tersebut mengandungi elemen perpaduan dan patriotisme yang dibentuk melalui hubungan antara masyarakat berbilang kaum. Dapatan ini memperlihatkan bahawa filem *Ola Bola* mempunyai potensi untuk dibaca sebagai teks sosial dan budaya, bukan semata-mata sebagai filem sukan.

Walau bagaimanapun, representasi budaya dalam filem *Ola Bola* tidak semestinya terhad kepada persoalan hubungan antara kaum atau identiti nasional. Pada tahap visual, perbezaan dan persamaan budaya turut boleh dilihat melalui ruang kediaman, makanan, pakaian, objek, struktur keluarga dan persekitaran sosial setiap watak. Dalam keadaan ini, pendekatan representasi Hall (1997) membolehkan elemen tersebut dianalisis sebagai tanda yang memperoleh makna melalui konteks budaya tertentu. Justeru, kajian ini memahami filem sebagai medium yang bukan sahaja menceritakan budaya tetapi turut membina budaya secara visual.

### *2.3 Mise-en-scène sebagai Pembinaan Budaya Visual*

*Mise-en-scène* merupakan salah satu konsep asas dalam analisis filem yang merujuk kepada elemen-elemen yang disusun dan dipersembahkan dalam ruang sinematik. Bordwell et al. (2020) menghuraikan *mise-en-scène* melalui komponen utama seperti *setting*, *costume and makeup*, *lighting* serta *staging*. Kesemua elemen tersebut berfungsi bersama-sama dalam membentuk dunia visual sesebuah filem dan mengarahkan perhatian penonton terhadap maklumat tertentu dalam sesuatu babak.

Walaupun *mise-en-scène* sering dibincangkan dari sudut estetika dan gaya visual, konsep tersebut mempunyai fungsi yang lebih luas dalam proses pembentukan makna. *Setting*, misalnya, bukan hanya menentukan lokasi sesuatu tindakan, tetapi boleh memberikan maklumat mengenai zaman, kelas sosial, komuniti dan cara hidup sesebuah watak. Kostum bukan sekadar pakaian yang dikenakan oleh pelakon, tetapi boleh menjadi petunjuk kepada identiti, pekerjaan, status sosial dan latar budaya. Begitu juga

dengan *props*, pencahayaan, warna dan *blocking* yang boleh membantu membentuk hubungan antara watak dengan persekitarannya.

Dalam konteks kajian budaya, *mise-en-scène* menjadi penting kerana budaya sering direpresentasikan melalui perkara yang berada di hadapan kamera. Sebuah ruang kediaman yang mengandungi perabot kayu, radio, meja makan dan objek domestik tertentu boleh memberikan maklumat mengenai kehidupan keluarga tanpa perlu diterangkan melalui dialog. Begitu juga dengan pakaian harian atau cara watak ditempatkan bersama anggota keluarga dalam sesuatu ruang yang boleh memberikan gambaran tentang hubungan sosial dan struktur kekeluargaan. Oleh itu, organisasi visual bukan sekadar memperindah filem, tetapi boleh bertindak sebagai mekanisme yang menjadikan budaya kelihatan kepada penonton.

Hubungan tersebut dapat difahami dengan lebih jelas apabila konsep *mise-en-scène* Bordwell et al. (2020) dibaca bersama teori representasi Hall (1997). Jika Hall menerangkan bagaimana tanda dan imej menghasilkan makna, *mise-en-scène* pula menyediakan ruang untuk mengenal pasti tanda dan imej yang dibentuk dalam filem. Dalam kerangka kajian ini, *setting*, kostum, *props*, pencahayaan, warna dan *blocking* merupakan unit visual yang boleh dikenal pasti terlebih dahulu sebelum makna budayanya ditafsir berdasarkan konteks sosial yang direpresentasikan.

Pendekatan tersebut amat relevan dalam analisis filem *Ola Bola* kerana representasi budayanya banyak hadir melalui ruang dan kehidupan harian. Sebagai contoh, kediaman Rahman boleh diteliti melalui hubungan antara struktur rumah, radio, perabot domestik, pakaian harian dan susunan anggota keluarga dalam ruang. Kediaman keluarga Chow pula boleh diperhatikan melalui ruang rumah, penyediaan makanan atau *herbal soup*, perabot, pakaian harian serta kehadiran televisyen sebagai objek teknologi moden dalam ruang keluarga. Elemen-elemen tersebut tidak perlu berfungsi sebagai simbol tradisional secara eksplisit untuk membawa makna budaya sebaliknya, maknanya boleh muncul melalui hubungan antara objek, ruang, watak dan amalan kehidupan yang divisualkan.

Atas dasar tersebut, kajian ini tidak menggunakan *mise-en-scène* untuk menilai sama ada visual *Ola Bola* cantik atau sinematik semata-mata. Sebaliknya, *mise-en-scène* digunakan sebagai kerangka analisis untuk mengenal pasti bagaimana budaya tradisional dijelmakan dalam ruang visual. Pendekatan ini memberikan perhatian kepada *setting*, *costume*, *props*, *lighting*, *colour* dan *blocking* berdasarkan fungsi masing-masing dalam membentuk pengalaman budaya. Dengan demikian, *mise-en-scène* menjadi penghubung antara bentuk visual filem dengan tafsiran budaya yang menjadi fokus utama kajian.

### 2.4 Filem *Ola Bola*

Sejak ditayangkan pada tahun 2016, filem *Ola Bola* telah menarik perhatian penyelidik daripada pelbagai perspektif, khususnya berkaitan patriotisme, perpaduan, multikulturalisme dan identiti nasional. Penelitian terhadap kajian terdahulu penting kerana ia membolehkan kedudukan penyelidikan semasa dikenal pasti dengan lebih jelas serta mengelakkan kajian ini daripada mengulangi fokus yang telah diterokai.

Antara kajian yang berkaitan secara langsung ialah penyelidikan Deraman dan Abdul Razak (2018) bertajuk *A Study of Unity and Patriotism Elements in Film Ola Bola: A Thematic Analysis*. Kajian tersebut menggunakan analisis tematik bagi mengenal pasti elemen patriotisme dan perpaduan yang dipaparkan dalam filem *Ola Bola*. Penyelidik memberikan perhatian kepada fungsi filem sebagai medium yang berpotensi menyampaikan nilai patriotisme dan perpaduan dalam masyarakat Malaysia. Kajian tersebut menunjukkan bahawa hubungan antara masyarakat berbilang kaum merupakan komponen penting dalam pembentukan mesej filem. Walaupun kajian ini mempunyai hubungan dengan persoalan budaya, tumpuannya lebih jelas kepada tema perpaduan dan patriotisme berbanding pembentukan budaya melalui organisasi visual.

Kajian Maheendran (2017) pula meneliti filem *Ola Bola* daripada perspektif multikulturalisme. Kajian tersebut melihat bagaimana kepelbagaian masyarakat Malaysia direpresentasikan melalui hubungan antara watak daripada latar etnik yang berbeza. Perbincangan mengenai persahabatan antara kaum, interaksi silang budaya, penggunaan pelbagai bahasa dan penerimaan terhadap perbezaan menunjukkan bahawa filem *Ola Bola* membentuk gambaran masyarakat Malaysia melalui pengalaman multikultural. Kajian tersebut penting kepada penyelidikan semasa kerana ia mengesahkan bahawa budaya dan identiti merupakan sebahagian daripada struktur makna filem *Ola Bola*. Namun, fokus terhadap multikulturalisme menyebabkan elemen budaya yang terkandung dalam ruang domestik, objek, pakaian dan kehidupan harian tidak menjadi tumpuan utama analisis.

Sementara itu, Azman dan Wan Mahmud (2019) meneliti filem *Ola Bola* melalui perspektif literasi media dengan memberikan perhatian kepada pemahaman mahasiswa terhadap mesej patriotisme dalam filem. Kajian tersebut melibatkan temu bual kumpulan fokus dan menggunakan dimensi kemahiran literasi media untuk melihat bagaimana khalayak memahami mesej yang disampaikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden dapat memahami mesej patriotisme dalam filem *Ola Bola*, walaupun tahap pemahaman berbeza mengikut dimensi kognitif, estetika, moral dan emosi. Kajian ini memberikan sumbangan daripada sudut penerimaan khalayak, tetapi tidak menjadikan representasi visual budaya tradisional sebagai fokus utama.

Perbincangan tentang filem *Ola Bola* kemudiannya berkembang kepada persoalan identiti nasional. Menurut Ayob (2024), meneliti semula filem tersebut dalam konsep Bangsa Malaysia daripada perspektif Islam. Kajian tersebut memperlihatkan bahawa filem *Ola Bola* terus menjadi teks yang relevan dalam perbincangan mengenai masyarakat pluralistik dan pembentukan identiti kebangsaan. Walaupun fokus dan kerangka yang digunakan berbeza daripada kajian-kajian sebelumnya, kecenderungan penyelidikan masih memperlihatkan perhatian yang kuat terhadap persoalan identiti nasional dan hubungan sosial masyarakat Malaysia.

Apabila diteliti secara perbandingan, kajian-kajian terdahulu terhadap filem *Ola Bola* memperlihatkan kecenderungan yang hampir sama dalam memahami filem sebagai medium penyampaian mesej sosial dan pembentukan identiti masyarakat Malaysia. Deraman dan Abdul Razak (2018) serta Azman dan Wan Mahmud (2019) memberikan perhatian kepada patriotisme, walaupun menggunakan pendekatan penelitian yang berbeza. Sementara itu, Maheendran (2017) dan Ayob (2024) memperluaskan perbincangan kepada multikulturalisme dan identiti nasional. Walaupun kajian-kajian tersebut menyumbang kepada pemahaman tentang hubungan sosial dan identiti masyarakat Malaysia, tumpuan utamanya belum memberikan penjelasan khusus tentang bagaimana organisasi visual filem membina makna budaya melalui amalan kehidupan seharian.

Perbezaan tersebut memperlihatkan bahawa jurang penelitian bukan terletak pada ketiadaan perbincangan budaya dalam filem *Ola Bola*, tetapi pada pendekatan yang digunakan untuk memahami representasi budaya tersebut. Kajian terdahulu lebih menekankan makna budaya melalui tema dan mesej, sedangkan hubungan antara setting, props, costume, lighting, colour dan blocking dengan amalan budaya yang hidup masih memerlukan penelitian yang lebih khusus. Oleh itu, kajian ini memperluaskan pembacaan terhadap filem *Ola Bola* dengan memberikan perhatian kepada bagaimana elemen mise-en-scène membina representasi *living traditional culture* melalui ruang kediaman, hubungan kekeluargaan, objek budaya dan interaksi komuniti.

### 2.5 Sintesis Literatur dan Kedudukan Kajian

Berdasarkan keseluruhan sorotan literatur, terdapat hubungan yang jelas antara tiga bidang utama yang membentuk asas kajian ini, iaitu budaya sebagai amalan hidup, filem sebagai sistem representasi dan *mise-en-scène* sebagai organisasi visual. Ketiga-tiga bidang tersebut saling berkaitan tetapi menjalankan

fungsi konseptual yang berbeza. Dalam kajian ini, integrasi teori dan konsep dibentuk berdasarkan hubungan antara budaya sebagai amalan kehidupan, organisasi visual filem dan proses penghasilan makna. Konsep *living heritage* UNESCO (2003) menyediakan asas untuk memahami budaya tradisional sebagai amalan yang diwariskan, disesuaikan dan terus diberikan makna dalam kehidupan masyarakat. Berpandukan pemahaman tersebut, istilah *living traditional culture* digunakan secara operasional bagi memberikan tumpuan kepada representasi budaya tradisional yang hadir melalui aktiviti, hubungan sosial dan pengalaman kehidupan harian watak dalam filem *Ola Bola*.

Bagi mengenal pasti bagaimana budaya tersebut direpresentasikan secara visual, konsep *mise-en-scène* Bordwell et al. (2020) digunakan untuk meneliti *setting, costume, props, lighting, colour* dan *blocking* yang membentuk organisasi visual sesuatu babak. Elemen-elemen ini kemudiannya ditafsir melalui teori representasi Hall (1997), yang menjelaskan bahawa makna budaya dihasilkan melalui hubungan antara tanda, imej dan konteks representasi. Perspektif interpretif Geertz (1973) seterusnya membantu memahami makna sosial dan simbolik yang berkaitan dengan ruang, objek serta interaksi watak, manakala konsep habitus Bourdieu (1977) menyokong tafsiran terhadap rutin dan amalan sosial yang telah sebati dalam kehidupan masyarakat.

Melalui integrasi tersebut, proses analisis tidak terhenti pada pengenalpastian unsur visual, sebaliknya bergerak kepada pentafsiran bagaimana hubungan antara elemen *mise-en-scène* membina makna *living traditional culture*. Sebagai contoh, kewujudan meja makan, radio atau perabot dalam ruang kediaman tidak secara langsung membuktikan representasi budaya tradisional. Sebaliknya, makna budaya ditentukan melalui hubungan objek tersebut dengan tindakan watak, susunan ruang, interaksi kekeluargaan dan konteks sosial yang dipersembahkan. Dengan demikian, kerangka ini membolehkan kajian menghubungkan pemerhatian visual dengan interpretasi budaya secara lebih sistematik tanpa menganggap setiap objek atau amalan harian sebagai simbol tradisional secara automatik.

**2.6 Sintesis Bab**

Keseluruhan sorotan kajian menunjukkan bahawa budaya tradisional perlu difahami sebagai satu proses kehidupan yang dinamik dan bukannya sekadar himpunan simbol atau artifak daripada masa lampau. Konsep *living heritage* memberikan asas untuk memahami kesinambungan budaya melalui pewarisan dan penciptaan semula amalan oleh masyarakat (UNESCO, 2003), manakala perspektif Geertz (1973) dan Bourdieu (1977) membantu menjelaskan bahawa makna budaya turut terbentuk melalui pengalaman, tindakan dan amalan kehidupan harian.

Dalam konteks filem, teori representasi Hall (1997) menunjukkan bahawa makna budaya dibentuk melalui tanda dan sistem representasi, sementara konsep *mise-en-scène* menyediakan asas untuk mengenal pasti bagaimana tanda tersebut disusun secara visual melalui *setting*, kostum, *props*, pencahayaan dan *staging* (Bordwell et al., 2020). Gabungan perspektif tersebut membolehkan filem diteliti bukan hanya berdasarkan perkara yang diceritakan, tetapi berdasarkan bagaimana kehidupan dan identiti budaya dibentuk dalam ruang visual.

Sorotan kajian terdahulu terhadap *Ola Bola* memperlihatkan bahawa filem tersebut telah dianalisis secara signifikan dalam hubungannya dengan perpaduan, patriotisme, multikulturalisme, penerimaan khalayak dan identiti nasional (Ayob, 2024; Azman & Wan Mahmud, 2019; Deraman & Abdul Razak, 2018; Maheendran, 2017). Walau bagaimanapun, penelitian khusus terhadap budaya tradisional melalui organisasi visual masih mempunyai ruang untuk dikembangkan. Justeru, kajian ini memberikan perhatian kepada kehidupan budaya pada peringkat mikro dengan menganalisis bagaimana ruang kediaman, objek, kostum, makanan, pencahayaan, warna dan hubungan watak membentuk representasi *living traditional culture* dalam *Ola Bola*.

Berdasarkan sintesis tersebut, kajian ini mengambil pendirian bahawa *mise-en-scène* merupakan lensa yang sesuai untuk menghubungkan bentuk visual dengan tafsiran budaya. Analisis yang dijalankan bukan bertujuan menentukan sama ada sesuatu elemen kelihatan tradisional semata-mata, tetapi untuk memahami bagaimana hubungan antara elemen visual, konteks sosial dan amalan kehidupan menghasilkan makna budaya. Pendekatan ini seterusnya menjadi asas kepada reka bentuk metodologi kajian yang dihuraikan dalam bab berikutnya, khususnya dalam menentukan pemilihan babak, unit analisis dan prosedur interpretasi terhadap representasi budaya tradisional dalam filem *Ola Bola*.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan visual (*visual content analysis*) bagi mengenal pasti dan mentafsir representasi budaya tradisional yang dibentuk melalui elemen *mise-en-scene* dalam filem *Ola Bola* (2016) arahan Chiu Keng Guan. Pendekatan kualitatif dipilih kerana fokus kajian bukan untuk mengukur kekerapan kemunculan sesuatu elemen visual atau menghasilkan generalisasi berbentuk statistik, tetapi untuk memahami bagaimana ruang, objek, pakaian, pencahayaan, warna dan hubungan antara watak menghasilkan makna budaya dalam konteks kehidupan masyarakat yang direpresentasikan oleh filem. Patton (2015) menjelaskan bahawa penyelidikan kualitatif memberi penekanan kepada pemahaman terhadap makna, pengalaman dan konteks sesuatu fenomena, manakala Rose (2016) menegaskan bahawa bahan visual boleh dianalisis secara sistematik dengan memberikan perhatian kepada kandungan imej, konteks penghasilannya dan bagaimana makna dibentuk melalui representasi visual.

Dalam konteks kajian ini, filem *Ola Bola* diperlakukan sebagai sebuah teks visual dan budaya yang membolehkan setiap babak diteliti berdasarkan hubungan antara bentuk visual dengan pengalaman sosial yang direpresentasikan. Analisis kandungan digunakan sebagai asas bagi menyusun pemerhatian secara sistematik kerana pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti pola dan kategori tertentu daripada bahan komunikasi yang dikaji (Krippendorff, 2018). Walau bagaimanapun, analisis yang dijalankan tidak bersifat kuantitatif kerana kajian tidak menghitung jumlah kemunculan sesuatu objek atau elemen visual, sebaliknya memberikan perhatian terhadap fungsi, konteks dan makna budaya yang terhasil daripada hubungan antara elemen-elemen tersebut.

Pemilihan filem Ola Bola (2016) dibuat berdasarkan keupayaannya memperlihatkan kehidupan masyarakat Malaysia melalui ruang kediaman, persekitaran komuniti dan hubungan sosial yang pelbagai. Kajian ini menggunakan purposive sampling berasaskan ruang atau lokasi budaya, bukannya pensampelan berdasarkan bilangan scene. Unit analisis utama ialah ruang budaya yang dipilih kerana hubungannya dengan *living traditional culture,* yang sangat dekat manakala unit pemerhatian pula terdiri daripada *setting, costume, props, lighting, colour* dan *blocking* yang mana ianya termasuk hubungan elemen yang berkaitan dengan tindakan dan watak dalam filem tersebut.

Pemilihan ruang dibuat berdasarkan kriteria ruang yang memperlihatkan; pertama kehidupan kediaman dan persekitaran agraria, kedua amalan serta hubungan kekeluargaan, ketiga interaksi dan penggunaan ruang bersama oleh komuniti, atau keempat objek, pakaian, makanan dan suasana yang memperoleh makna melalui amalan kehidupan seharian. Antara ruang yang diteliti ialah rumah Chow, rumah Rahman, padang latihan, stadium dan tapak pesta. Lokasi yang hanya berfungsi sebagai latar belakang tanpa bukti visual yang relevan dengan persoalan budaya tidak dijadikan tumpuan analisis. Oleh sebab fokus kajian ini ialah interpretasi budaya pada ruang terpilih, bilangan scene tidak digunakan sebagai asas pensampelan atau ukuran kekuatan sesuatu tema.

Data primer diperoleh melalui tontonan berulang terhadap filem Ola Bola (2016). Tontonan awal dilakukan untuk memahami struktur naratif, latar zaman, hubungan antara watak dan konteks sosial.

Tontonan berikutnya memberikan tumpuan kepada ruang atau lokasi budaya terpilih serta elemen *mise-en-scène* yang berkaitan dengan kehidupan harian masyarakat. Pemerhatian terhadap hubungan antara ruang, objek, watak dan amalan sosial menjadi asas kepada pembentukan tema serta interpretasi makna budaya.

Data sekunder terdiri daripada buku akademik, artikel jurnal, dokumen institusi dan kajian terdahulu tentang budaya tradisional, living heritage, representasi, *mise-en-scène* serta filem Ola Bola sendiri. Sumber tersebut digunakan sebagai asas konseptual dan sokongan tafsiran, bukan pengganti bukti visual daripada filem. Analisis dilaksanakan melalui visual content analysis dengan pengelompokan tema berpandukan prinsip analisis tematik Braun dan Clarke (2006). Proses analisis bermula dengan tontonan berulang, diikuti pemilihan ruang budaya yang relevan, pengenalpastian elemen *mise-en-scène,* pembentukan tema dan interpretasi makna budaya berdasarkan konteks kehidupan yang direpresentasikan. Sebagai contoh, radio atau meja makan tidak secara automatik dianggap sebagai simbol budaya tradisional, maknanya ditafsir melalui hubungan objek dengan ruang, tindakan watak dan amalan sosial. Satu ruang boleh menyumbang kepada lebih daripada satu tema kerana tema ialah kategori interpretif, bukan senarai lokasi yang saling terpisah.

Berdasarkan proses pengkodan dan pengelompokan tersebut, analisis kajian disusun kepada lima tema utama, iaitu ruang kehidupan tradisional, institusi kekeluargaan, budaya komuniti, objek budaya dan suasana budaya. Tema ruang kehidupan tradisional memberi perhatian kepada kediaman, ruang domestik, padang bola dan persekitaran yang membentuk cara hidup masyarakat; tema institusi kekeluargaan menganalisis hubungan, kedudukan dan interaksi antara ahli keluarga; tema budaya komuniti meneliti bentuk interaksi sosial serta penggunaan ruang bersama; tema objek budaya memberikan perhatian kepada objek material seperti radio, basikal, perabot, makanan dan teknologi domestik berdasarkan fungsi sosialnya; manakala tema suasana budaya menganalisis bagaimana pencahayaan, warna, keadaan ruang dan susunan watak membentuk atmosfera kehidupan masyarakat. Kesemua tema tersebut tidak dianggap sebagai kategori yang terpisah sepenuhnya kerana satu babak boleh mengandungi lebih daripada satu dimensi budaya.

Pada peringkat pertama analisis, konsep *mise-en-scène* oleh Bordwell et al. (2020) digunakan sebagai kerangka visual utama bagi mengenal pasti elemen yang membentuk sesuatu babak, khususnya *setting*, *costume*, *props*, *lighting*, *colour* dan *blocking*. Walaupun Bordwell et al. (2020) menghuraikan komponen utama *mise-en-scène* melalui *setting*, kostum dan solekan, pencahayaan serta *staging*, kajian ini memperincikan *props*, warna dan *blocking* sebagai unit pemerhatian kerana elemen tersebut mempunyai hubungan secara langsung dengan objektif analisis budaya. Setelah elemen visual dikenal pasti, teori representasi Hall (1997) digunakan bagi menjelaskan bagaimana imej, objek dan tanda visual membentuk makna budaya dan bukannya sekadar mencerminkan realiti. Perspektif interpretif Geertz (1973) kemudiannya digunakan untuk mentafsir elemen tersebut berdasarkan konteks dan jaringan makna budaya masyarakat, sementara konsep *habitus* Bourdieu (1977) membantu menjelaskan bagaimana tindakan, rutin serta kecenderungan sosial yang kelihatan biasa dalam kehidupan watak boleh berkaitan dengan struktur pengalaman yang telah terbentuk dan sebati dalam kehidupan masyarakat.

Pembahagian fungsi teori ini penting bagi memastikan analisis tidak mencampuradukkan tahap pemerhatian dengan tahap interpretasi; *mise-en-scène* menjawab persoalan apa yang dilihat dan bagaimana ia disusun, Hall membantu menjelaskan bagaimana visual tersebut menghasilkan representasi, Geertz membantu mentafsir apakah makna budaya yang terkandung dalam konteks tersebut, manakala Bourdieu membantu memahami bagaimana amalan dan rutin tersebut menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat. Justeru, kerangka metodologi kajian dapat dirumuskan melalui tiga tahap analisis utama, iaitu tahap deskriptif, yang mengenal pasti elemen *mise-en-scène* dalam babak; tahap kategorikal,

yang mengkod dan mengelompokkan elemen visual berdasarkan lima tema budaya; dan tahap interpretif, yang mentafsir hubungan antara bentuk visual, representasi dan makna budaya dengan menggunakan perspektif Hall, Geertz dan Bourdieu.

Struktur tiga tahap ini memastikan kajian tidak terus membuat andaian budaya berdasarkan sesuatu imej, sebaliknya bergerak secara sistematik daripada bukti visual kepada klasifikasi dan akhirnya kepada interpretasi budaya. Bagi memastikan ketelusan dan konsistensi analisis, setiap interpretasi perlu dirujuk semula kepada bukti visual dalam babak terpilih melalui *timecode* dan tangkapan skrin serta disokong oleh literatur yang relevan. Dengan pendekatan tersebut, kajian ini tidak bertujuan menentukan sama ada *Ola Bola* mempunyai tahap "budaya tradisional" yang tinggi atau rendah, tetapi menjelaskan bagaimana budaya tradisional dibentuk dan direpresentasikan melalui organisasi visual kehidupan masyarakat dalam filem. Keseluruhan reka bentuk metodologi ini membolehkan kajian bergerak secara sistematik daripada pemilihan bahan visual kepada proses interpretasi, sekali gus selaras dengan objektif kajian untuk mengenal pasti elemen *mise-en-scène* yang merepresentasikan budaya tradisional dan menganalisis bagaimana elemen tersebut membentuk makna budaya melalui organisasi visual dalam filem *Ola Bola*.

Bagi memperkukuh ketelusan dan *trustworthiness*, kajian ini menekankan semakan berulang kali terhadap filem dan keselarasan antara pemerhatian visual, pembentukan tema serta hujah interpretif. Setiap tafsiran dinilai berdasarkan hubungan antara elemen *mise-en-scène,* konteks ruang dan tindakan watak agar objek biasa tidak terus dianggap sebagai simbol tradisional tanpa justifikasi. Audit trail boleh disusun berdasarkan catatan pemerhatian, keputusan pembentukan tema dan asas interpretasi yang digunakan. *Peer debriefing* atau pemeriksaan bebas boleh menjadi langkah pengukuhan tambahan sekiranya dilaksanakan, namun tidak dianggap sebagai prosedur yang telah dilakukan tanpa bukti pelaksanaannya.

## ANALISIS

### *Mise-en-scene* : Budaya Ruang Kediaman

Representasi budaya tradisional dalam filem *Ola Bola* dibentuk melalui ruang-ruang budaya yang menjadi tempat berlangsungnya kehidupan harian masyarakat. Dalam konteks kajian ini, ruang budaya tidak hanya merujuk kepada lokasi fizikal seperti rumah atau stadium, tetapi kepada ruang yang memperoleh makna budaya melalui hubungan antara manusia, objek, amalan dan interaksi sosial yang berlaku di dalamnya. Melalui organisasi *mise-en-scène*, ruang-ruang tersebut diterjemahkan sebagai ruang yang mencerminkan cara hidup, nilai serta pengalaman budaya masyarakat. Berdasarkan analisis yang dijalankan, ruang budaya dalam filem *Ola Bola* direpresentasikan melalui dua bentuk utama, iaitu ruang kediaman keluarga Rahman sebagai representasi kehidupan domestik masyarakat Melayu dan ruang kediaman keluarga Chow sebagai representasi budaya kehidupan keluarga Masyarakat Cina yang diteruskan melalui amalan harian serta penggunaan objek budaya dalam ruang domestik.



Rajah 1

Rajah 1 adalah *setting* pada rumah keluarga Chow yang memperlihatkan sebuah rumah kayu yang sederhana dengan dinding papan, tingkap kayu, ruang tamu yang terbuka serta susun atur ruang yang

menghubungkan ruang makan, ruang kerja dan kawasan menerima tetamu dalam satu persekitaran yang sama. Organisasi ruang ini menggambarkan fungsi rumah bukan sekadar sebagai tempat kediaman, tetapi sebagai ruang sosial yang menjadi pusat kepada pelbagai aktiviti harian ahli keluarga. Hal ini dapat diperhatikan melalui kehadiran ibu yang sedang menjahit pakaian, anak-anak yang berada di ruang tamu serta Tauke yang baru pulang ke rumah sambil membawa makanan. Kesemua aktiviti tersebut berlaku secara serentak dalam ruang yang sama, sekali gus memperlihatkan bahawa kehidupan keluarga dibentuk melalui perkongsian ruang dan tanggungjawab harian.

Selain itu, penggunaan prop dalam scene ini turut memperkukuhkan representasi budaya domestik. Pelbagai objek seperti jam dinding, kipas meja, kabinet kaca, meja kayu, mesin jahit, kerusi rotan, mangkuk makanan serta perkakasan dapur disusun secara semula jadi dalam ruang kediaman tanpa kelihatan bersifat dekoratif. Kehadiran objek-objek tersebut memperlihatkan bahawa rumah tersebut benar-benar didiami oleh sebuah keluarga dan setiap objek mempunyai fungsi dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, mesin jahit yang digunakan oleh ibu menunjukkan aktiviti menjahit sebagai sebahagian daripada rutin domestik keluarga, manakala mangkuk makanan yang diletakkan di atas kabinet memperlihatkan penyediaan makanan sebagai satu amalan yang menghubungkan hubungan kekeluargaan. Dari perspektif *mise-en-scene*, objek-objek ini tidak hanya berfungsi sebagai prop yang melengkapkan ruang, tetapi menjadi pembawa makna budaya kerana penggunaannya berkait secara langsung dengan cara hidup masyarakat.

Representasi budaya turut diperkukuhkan melalui penggunaan kostum harian yang dipakai oleh setiap ahli keluarga. Berdasarkan pemerhatian visual, watak-watak dalam scene ini mengenakan pakaian yang ringkas seperti baju Tshirt tanpa lengan, baju Tshirt berkolar bulat dan seluar harian yang lazim dipakai di rumah. Pemilihan kostum sedemikian tidak bertujuan menonjolkan identiti etnik melalui pakaian tradisional, sebaliknya menghasilkan realisme visual yang menggambarkan kehidupan keluarga dalam rutin seharian. Pendekatan ini menunjukkan bahawa budaya dalam filem *Ola Bola* tidak direpresentasikan melalui simbol-simbol tradisional semata-mata, tetapi melalui cara masyarakat menjalani kehidupan harian dalam ruang domestik.

Dari aspek *blocking* pula, kedudukan setiap watak dalam ruang rumah turut menyumbang kepada pembentukan makna budaya. Ibu ditempatkan di bahagian tengah ruang sambil menjahit pakaian, manakala anak-anak berada berhampiran dengannya dan Tauke memasuki rumah melalui pintu utama. Susunan ini memperlihatkan hubungan yang rapat antara ahli keluarga walaupun masing-masing sedang melaksanakan aktiviti yang berbeza. Tiada pemisahan ruang yang jelas antara aktiviti domestik dan interaksi kekeluargaan, sebaliknya keseluruhan komposisi memperlihatkan bahawa rumah berfungsi sebagai ruang yang menyatukan ahli keluarga dalam kehidupan harian mereka. Keadaan ini secara tidak langsung menggambarkan institusi keluarga sebagai asas kepada pembentukan budaya dalam masyarakat. Dari sudut interpretasi, kedudukan ibu yang sedang menjahit berhampiran anak-anak serta kepulangan Tauke membawa makanan membentuk hubungan antara kerja domestik, penjagaan dan perkongsian tanggungjawab. Organisasi ruang yang terbuka membolehkan aktiviti tersebut hadir dalam satu komposisi, sekali gus merepresentasikan keluarga sebagai jaringan hubungan sosial, bukan sekadar sekumpulan individu yang berada di dalam rumah. Bacaan ini seiring dengan Hall (1997), iaitu makna terbentuk melalui hubungan tanda dan konteks representasinya, manakala perspektif habitus Bourdieu (1977) membantu memahami rutin domestik sebagai amalan sosial yang dipelajari.

Seterusnya, pencahayaan (*lighting*) dalam scene ini menggunakan sumber cahaya dalaman yang lembut dengan dominasi tona kekuningan (*warm lighting*) yang memenuhi keseluruhan ruang rumah. Pencahayaan sedemikian menghasilkan suasana yang selesa, intim dan mesra, di samping mewujudkan kontras yang jelas antara ruang dalaman rumah dengan kawasan luar yang lebih gelap. Perbezaan ini menjadikan rumah sebagai ruang perlindungan dan tempat ahli keluarga kembali selepas menjalani

aktiviti di luar. Pada masa yang sama, penggunaan palet warna yang didominasi oleh warna bumi seperti coklat kayu, krim, putih kusam dan kuning lembut memperkukuhkan identiti visual rumah tradisional yang sederhana. Warna-warna tersebut bukan sahaja membentuk konteks temporal sekitar era 1980-an, malah menyumbang kepada pembentukan atmosfera yang tenang dan penuh keakraban. Namun, tona hangat ini terlebih dahulu berfungsi membina suasana visual; tafsiran tentang keakraban keluarga hanya dapat dipertahankan apabila dibaca bersama blocking, tindakan menjahit dan interaksi ahli keluarga, bukannya berdasarkan warna kuning secara terasing.



Rajah 2

Rajah 2 adalah merujuk kepada rumah Rahman yang dibina berasaskan seni bina rumah Melayu tradisional yang bertiang dengan struktur kayu, beranda hadapan, tangga utama serta ruang bawah rumah yang terbuka. Dari sudut *mise-en-scene*, organisasi ruang ini memperlihatkan bahawa kediaman bukan hanya berfungsi sebagai tempat perlindungan, malah menjadi ruang sosial yang menghubungkan kehidupan keluarga dengan persekitaran luar. Berbeza dengan rumah moden yang memisahkan ruang dalaman dan luaran secara jelas, rumah Rahman memperlihatkan kesinambungan antara halaman, serambi dan ruang dalaman sehingga setiap bahagian rumah dapat digunakan sebagai tempat ahli keluarga berinteraksi, berehat dan menjalankan aktiviti harian.

Keadaan tersebut dapat diperhatikan melalui babak Rahman berbual bersama rakannya di tangga rumah pada waktu malam. Pemilihan tangga sebagai lokasi perbualan menunjukkan bahawa ruang peralihan antara halaman dengan ruang dalaman rumah turut berfungsi sebagai ruang komunikasi dan interaksi sosial. Pada masa yang sama, bahagian dalaman rumah yang masih kelihatan melalui pintu yang terbuka mengekalkan hubungan visual antara ahli keluarga di dalam rumah dengan individu yang berada di luar. Pendekatan ini menunjukkan bahawa *mise-en-scene* menggunakan organisasi ruang untuk memperlihatkan rumah sebagai ruang budaya yang sentiasa terbuka kepada hubungan kekeluargaan dan kejiranan.

Selain itu, penggunaan prop dalam scene ini turut memperkukuhkan identiti budaya kediaman keluarga Rahman. Berdasarkan pemerhatian visual, terdapat beberapa objek domestik seperti buaian gantung (*hammock*), kerusi kayu, meja kecil, pasu tanaman, motosikal, basikal serta sebuah kereta yang diletakkan di halaman rumah. Objek-objek tersebut tidak disusun sebagai elemen dekoratif, sebaliknya berfungsi sebagai sebahagian daripada kehidupan harian keluarga. Kehadiran buaian gantung di ruang bawah rumah, misalnya, memperlihatkan ruang tersebut digunakan sebagai tempat berehat dan meluangkan masa bersama ahli keluarga. Basikal dan motosikal pula menunjukkan bentuk mobiliti masyarakat pada ketika itu tanpa menjadikannya sebagai simbol budaya yang dipaksakan.

Representasi budaya turut diperkukuhkan melalui penggunaan kostum harian yang sederhana. Rahman digambarkan memakai baju Tshirt putih bersama kain pelikat ketika berada di rumah, manakala ahli keluarganya mengenakan pakaian rumah yang longgar dan ringkas. Pemilihan kostum sedemikian menghasilkan realisme visual yang sesuai dengan konteks kehidupan keluarga Melayu di rumah. Tiada penggunaan pakaian tradisional yang bersifat istiadat atau formal, sebaliknya kostum dipilih untuk menggambarkan rutin kehidupan harian.

Dari aspek *blocking* pula, kedudukan watak dalam ruang rumah memperlihatkan hubungan yang erat antara ahli keluarga. Dalam salah satu babak, Rahman dilihat menyuapkan makanan kepada anak kecilnya di ruang bawah rumah sambil ditemani isterinya. Susunan kedudukan ketiga-tiga watak dalam komposisi yang rapat mewujudkan hubungan visual yang menekankan nilai kasih sayang, penjagaan dan tanggungjawab dalam institusi keluarga. Dalam babak yang lain, Rahman bersama rakannya duduk berbual di tangga rumah tanpa sebarang halangan fizikal yang memisahkan mereka daripada halaman atau ruang dalaman rumah. Organisasi *blocking* sedemikian memperlihatkan bahawa interaksi sosial berlaku secara spontan dalam pelbagai bahagian rumah, sekali gus menjadikan keseluruhan kawasan kediaman sebagai ruang budaya yang aktif dan sentiasa digunakan. Kedekatan kedudukan Rahman, isteri dan anak ketika aktiviti menyuap makanan menjadikan tindakan penjagaan sebagai pusat makna ruang bawah rumah. Dalam hubungan ini, struktur rumah bertiang dan ruang terbuka tidak dengan sendirinya membuktikan sesuatu nilai budaya; sebaliknya, hubungan antara susunan ruang, tindakan watak dan interaksi keluarga yang membolehkan tafsiran tentang kehidupan domestik dibuat (Geertz, 1973).

Dari sudut pencahayaan, filem menggunakan dua pendekatan yang berbeza bagi menggambarkan suasana kehidupan keluarga Rahman. Babak pada waktu siang menggunakan pencahayaan semula jadi (*natural lighting*) yang menonjolkan warna hijau tumbuhan, tekstur kayu rumah dan keluasan kawasan halaman. Penggunaan cahaya semula jadi ini menghasilkan suasana yang segar dan memperkukuhkan hubungan kediaman dengan alam sekitar. Sebaliknya, babak pada waktu malam menggunakan pencahayaan dalaman yang lembut dengan tona kekuningan (*warm lighting*) yang terpancar keluar melalui tingkap dan pintu rumah. Perbezaan pencahayaan ini bukan sahaja membezakan masa, malah membentuk rumah sebagai ruang yang memberikan rasa selamat, hangat dan penuh keakraban kepada ahli keluarga.

Palet warna yang digunakan turut menyumbang kepada pembentukan identiti visual ruang budaya tersebut. Dominasi warna coklat pada struktur kayu rumah, hijau pada tumbuh-tumbuhan di sekeliling halaman serta tona kuning daripada pencahayaan dalaman menghasilkan keseimbangan antara unsur alam dan ruang kediaman. Gabungan warna-warna ini membentuk suasana yang tenang, harmoni dan sederhana, sekali gus memperkukuhkan representasi kehidupan masyarakat Melayu luar bandar yang mempunyai hubungan rapat dengan persekitaran semula jadi. Oleh itu, warna coklat, hijau dan kuning tidak dianggap sebagai lambang tetap identiti etnik atau keharmonian. Fungsinya lebih tepat difahami sebagai pembinaan atmosfera dan hubungan visual antara rumah, halaman serta aktiviti watak; makna budayanya muncul daripada konteks kehidupan yang dipaparkan.

### *Mise-en*-scene melalui Identiti Budaya Komuniti

Filem *Ola Bola* merepresentasikan melalui pembentukan tiga lapisan komuniti yang saling berkait, iaitu komuniti latihan, komuniti penyokong dan komuniti kebangsaan. Berdasarkan pemerhatian visual terhadap scene latihan dan perlawanan, filem ini tidak hanya menampilkan padang dan stadium sebagai lokasi aktiviti sukan, sebaliknya menunjukkan bahawa kedua-dua ruang tersebut sebagai ruang budaya yang memperlihatkan nilai kebersamaan, disiplin, kerjasama dan semangat bermasyarakatan dalam kehidupan harian. Melalui gabungan *setting*, *blocking*, kostum, pencahayaan, warna dan komposisi visual, filem *Ola Bola* menghasilkan gambaran bahawa identiti komuniti dibentuk melalui pengalaman yang dikongsi bersama dalam ruang awam.

Lapisan pertama yang dibentuk melalui *mise-en-scene* ialah komuniti latihan, iaitu komuniti yang lahir daripada perkongsian ruang disiplin dan rutin harian para pemain. Berdasarkan pemerhatian visual, sesi latihan berlangsung di padang terbuka yang luas dengan latar pepohonan, bangunan sukan dan kawasan hijau yang mendominasi keseluruhan komposisi. Pemilihan *setting* ini memberikan gambaran bahawa padang latihan bukan sekadar ruang untuk meningkatkan kemahiran teknikal pemain, tetapi merupakan

ruang sosial yang menjadi sebahagian daripada kehidupan harian mereka. *Blocking* juga memperlihatkan pemain bergerak secara serentak ketika menjalani latihan fizikal, latihan kawalan bola dan larian berkumpulan. Susunan pergerakan yang tersusun serta penggunaan kostum latihan yang hampir seragam menghasilkan identiti visual sebuah komuniti yang berkongsi matlamat, disiplin dan tanggungjawab yang sama. Dalam konteks ini, *mise-en-scene* membentuk padang latihan sebagai ruang budaya kerana identiti komuniti tidak dibina melalui pencapaian individu, sebaliknya melalui amalan harian yang dilakukan secara konsisten dan kolektif. Rutin latihan yang diulang setiap hari menjadi sebahagian daripada budaya komuniti yang menekankan nilai kerjasama, disiplin dan saling bergantung antara ahli pasukan. Walau bagaimanapun, aktiviti bola sepak itu sendiri tidak ditakrifkan sebagai tradisi. Hubungannya dengan living traditional culture terletak pada pengulangan amalan bersama, pembentukan kebiasaan, kerjasama dan pemindahan nilai sosial dalam komuniti. Perspektif habitus Bourdieu (1977) membantu menjelaskan bagaimana disiplin dan tindakan kolektif dapat dibaca sebagai pola amalan sosial, tanpa mendakwa bahawa latihan bola sepak merupakan warisan tradisional yang khusus.

Lapisan kedua pula ialah komuniti penyokong, yang direpresentasikan melalui suasana di dalam Stadium Merdeka ketika berlangsungnya perlawanan. Berdasarkan pemerhatian visual, ruang stadium dipenuhi oleh ribuan penyokong yang hadir daripada pelbagai latar belakang masyarakat. Kehadiran penonton yang membawa bendera Malaysia, sepanduk sokongan serta memberikan sorakan secara serentak memperlihatkan bahawa stadium bukan hanya menjadi lokasi pertandingan, tetapi berfungsi sebagai ruang budaya yang menghimpunkan masyarakat dalam satu pengalaman emosi yang sama. *Mise-en-scene* menggunakan komposisi *wide shot* untuk memperlihatkan kepadatan penonton yang memenuhi keseluruhan stadium, manakala penggunaan pencahayaan lampu limpah (*floodlight*) menghasilkan suasana yang dramatik dan penuh keterujaan. Pada masa yang sama, kepelbagaian warna pakaian penyokong, bendera dan sepanduk membentuk identiti visual yang memperlihatkan kepelbagaian masyarakat Malaysia yang berkongsi ruang serta pengalaman secara bersama. Dapatan ini menunjukkan bahawa komuniti penyokong dalam filem *Ola Bola* tidak dibentuk melalui hubungan kekeluargaan atau etnik semata-mata, tetapi melalui penyertaan aktif masyarakat dalam satu ruang awam yang menghubungkan mereka melalui emosi, harapan dan pengalaman yang dikongsi secara kolektif.

Pembentukan komuniti kebangsaan terjadi apabila komuniti latihan dan komuniti penyokong akhirnya bertemu dalam satu pengalaman kolektif semasa perlawanan berlangsung. Pada tahap ini, *mise-en-scene* tidak lagi memisahkan pemain di atas padang dengan masyarakat di tempat duduk penonton, sebaliknya kedua-duanya digabungkan dalam satu organisasi visual yang saling melengkapi. Komposisi ruang memperlihatkan pemain sebagai pusat tindakan di padang, manakala penyokong memenuhi keseluruhan stadium sebagai sebahagian daripada pengalaman tersebut. Hubungan visual ini memperlihatkan bahawa kemenangan atau kekalahan tidak hanya dialami oleh pemain, tetapi turut dikongsi oleh masyarakat yang hadir memberikan sokongan. Dalam konteks ini, stadium berubah daripada sebuah kemudahan sukan kepada ruang budaya kebangsaan yang menyatukan pelbagai komuniti melalui pengalaman bersama. Dengan demikian, identiti komuniti yang dibentuk dalam filem *Ola Bola* berkembang daripada komuniti kecil yang berkongsi rutin latihan kepada komuniti masyarakat yang berkongsi emosi di stadium, sebelum akhirnya membentuk komuniti kebangsaan yang disatukan melalui pengalaman kolektif terhadap pasukan negara. Kesinambungan budaya dalam ruang ini bukan bermaksud bahawa sorakan atau perlawanan merupakan ritual tradisional secara automatik. Sebaliknya, filem merepresentasikan amalan berkumpul, memberikan sokongan dan berkongsi pengalaman sebagai bentuk penyertaan kolektif yang terus diberi makna oleh komuniti. Hubungan ini dibaca secara berhati-hati melalui gagasan living heritage yang menekankan peranan komuniti dalam meneruskan dan mencipta semula amalan sosial (UNESCO, 2003).

### *Mise-en-scene* : Budaya Awam





**Rajah 3**

Rajah 3 menunjukkan kepada *setting* tapak pesta yang membentuk pelbagai elemen visual seperti pentas persembahan, gerai permainan, gerai jualan makanan dan minuman, roda Ferris, lampu hiasan, bendera kecil berwarna-warni serta papan tanda Pusat Hiburan Hua Hee. Kesemua elemen ini disusun dalam satu ruang terbuka yang membolehkan masyarakat bergerak, berkumpul dan berinteraksi tanpa batasan. Berbeza dengan ruang kediaman yang bersifat peribadi, tapak pesta berfungsi sebagai ruang awam yang menghubungkan individu daripada pelbagai etnik dan latar sosial dalam satu aktiviti bersama.

Filem *Ola Bola* menggunakan tapak pesta sebagai ruang pertemuan budaya (*cultural meeting space*), iaitu ruang yang mempertemukan pelbagai bentuk kehidupan sosial dalam satu persekitaran yang sama. Berdasarkan pemerhatian visual, masyarakat Melayu, Cina dan India hadir secara serentak dalam ruang tersebut tanpa wujud pemisahan fizikal atau sosial. Pada masa yang sama, pelbagai aktiviti berlangsung secara serentak seperti urusan jual beli di gerai, penyertaan dalam permainan karnival, persembahan pentas, pergaulan antara rakan-rakan dan aktiviti rekreasi keluarga. Susunan *mise-en-scene* ini memperlihatkan bahawa budaya tidak direpresentasikan melalui satu simbol atau satu etnik tertentu, sebaliknya dibentuk melalui interaksi antara masyarakat yang berkongsi ruang, masa dan pengalaman dalam kehidupan harian. Oleh itu, tapak pesta menjadi medium visual yang memperlihatkan budaya sebagai sesuatu yang hidup (*living culture*), iaitu budaya yang sentiasa berkembang melalui penyertaan komuniti. Dalam hal ini, sifat tradisional tapak pesta tidak disimpulkan daripada kewujudan roda Ferris atau gerai semata-mata. Aspek kesinambungan budaya lebih jelas pada pola pertemuan, jual beli, hiburan bersama dan penggunaan ruang awam yang membolehkan hubungan sosial terus berlangsung. Ini merupakan pembacaan terhadap cultural continuity dalam representasi filem, bukannya dakwaan bahawa semua aktiviti tersebut ialah warisan budaya tidak ketara yang telah disahkan.

Dari sudut *blocking* pula, filem memperlihatkan watak-watak bergerak secara bebas antara gerai permainan, pentas hiburan dan kawasan laluan utama. Dalam salah satu babak, sekumpulan watak berkumpul di hadapan gerai permainan bola sepak sambil memberikan sokongan kepada rakan mereka yang sedang bermain. Dalam babak yang lain pula, masyarakat memenuhi ruang di hadapan pentas bagi menyaksikan persembahan secara bersama. Susunan pergerakan ini menunjukkan bahawa interaksi sosial berlaku secara spontan tanpa mengira latar belakang etnik atau status sosial. *Blocking* berfungsi untuk menghasilkan komposisi visual yang menonjolkan kebersamaan masyarakat dalam menggunakan ruang awam sebagai tempat berinteraksi dan berhibur.

Penggunaan prop turut memperkukuhkan representasi budaya komuniti dalam scene ini. Kehadiran permainan karnival, hadiah permainan, botol minuman kaca, gerai jualan, roda Ferris, mikrofon, alat muzik dan pentas persembahan menunjukkan bahawa tapak pesta merupakan ruang yang menggabungkan aktiviti ekonomi, hiburan dan interaksi sosial. Menariknya, filem ini memilih untuk memaparkan permainan yang berasaskan kemahiran fizikal dan penyertaan bersama berbanding hiburan yang bersifat individual. Hal ini memperlihatkan bahawa budaya komuniti dalam filem *Ola Bola* dibentuk melalui penglibatan masyarakat dalam aktiviti yang dikongsi secara bersama, sekali gus menjadikan ruang pesta sebagai medium yang mengeratkan hubungan sosial dalam komuniti.

Representasi identiti budaya turut diperkukuhkan melalui penggunaan kostum harian yang pelbagai. Berdasarkan pemerhatian visual, masyarakat hadir ke tapak pesta dengan pakaian kasual yang berbeza mengikut latar etnik dan gaya hidup masing-masing. Tiada kod pakaian tertentu yang menyeragamkan identiti mereka, namun kepelbagaian tersebut disatukan melalui penyertaan dalam ruang dan aktiviti yang sama.

Selain itu, pencahayaan (*lighting*) memainkan peranan penting dalam membentuk suasana budaya tapak pesta. Penggunaan lampu hiasan, lampu pentas dan cahaya daripada gerai-gerai menghasilkan suasana malam yang meriah, hangat dan penuh kehidupan. Berbeza dengan pencahayaan dramatik di stadium yang menekankan ketegangan pertandingan, pencahayaan di tapak pesta lebih lembut dan berwarna-warni, sekali gus mewujudkan atmosfera yang santai dan mengundang penyertaan masyarakat. Penggunaan warna merah, kuning, hijau dan biru pada gerai, pentas, lampu serta bendera hiasan pula menghasilkan identiti visual yang ceria dan dinamik. Gabungan pencahayaan dan warna ini bukan sekadar memperindahkan ruang, tetapi membentuk pengalaman emosi yang menggambarkan kemeriahan kehidupan komuniti. Warna-warna tersebut terutama sekali menghasilkan kesan estetik kemeriahan. Makna budaya hanya dapat dihujahkan apabila kesan itu dihubungkan dengan gerai, pergerakan pengunjung, persembahan dan interaksi yang berlangsung serentak; setiap warna tidak diberikan makna etnik atau nilai sosial yang tetap.

Komposisi visual yang menggunakan *wide shot* dalam beberapa babak turut memperlihatkan keluasan ruang pesta serta kepelbagaian aktiviti yang berlangsung secara serentak. Kamera tidak hanya memfokuskan kepada watak utama, tetapi merangkumi kehadiran orang ramai, gerai, permainan dan pentas persembahan dalam satu bingkai yang sama. Pendekatan ini menegaskan bahawa fokus utama scene tersebut bukan individu tertentu, tetapi keseluruhan komuniti yang menghidupkan ruang tersebut melalui penyertaan mereka. Dengan demikian, *mise-en-scene* membentuk tapak pesta sebagai sebuah ruang budaya yang hidup kerana makna ruang tersebut lahir daripada interaksi sosial yang berlaku di dalamnya.

Pemilihan tapak pesta sebagai salah satu lokasi utama dalam *Ola Bola* juga mempunyai signifikansi yang besar dalam pembentukan identiti budaya tradisional. Hal ini kerana tapak pesta bukan sekadar menjadi latar kepada perkembangan naratif, tetapi berfungsi sebagai ruang yang memperlihatkan budaya dalam bentuk yang paling naturalistik. Berbeza dengan adat istiadat atau upacara rasmi yang hanya berlangsung pada waktu-waktu tertentu, budaya yang dipaparkan di tapak pesta berlaku secara spontan melalui amalan kehidupan harian masyarakat. Aktiviti membeli-belah, menikmati hiburan, menyertai permainan, menyaksikan persembahan pentas dan berinteraksi dengan komuniti merupakan rutin sosial yang menjadi sebahagian daripada pengalaman masyarakat pada ketika itu. Oleh yang demikian, filem memilih lokasi ini bagi memperlihatkan bahawa budaya tradisional bukan sekadar warisan yang dipelihara, tetapi merupakan budaya hidup (*living culture*) yang terus berkembang melalui penyertaan masyarakat dalam ruang awam. Namun demikian, kehidupan yang ditampilkan ialah hasil pemilihan dan penyusunan semula oleh pembikin filem. Oleh sebab Ola Bola (2016) membina semula latar masa lalu melalui setting, props, costume dan pencahayaan, unsur nostalgia serta memori budaya perlu difahami sebagai kesan rekonstruksi sinematik, bukan gambaran objektif tentang semua pengalaman masyarakat pada zaman tersebut. Dengan itu, living traditional culture dalam kajian ini merujuk kepada budaya yang direpresentasikan sebagai amalan hidup dalam dunia filem, bukan pengesahan langsung terhadap ketepatan sejarahnya (Hall, 1997).

## RUMUSAN

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti elemen-elemen *mise-en-scène* yang merepresentasikan budaya tradisional dalam filem *Ola Bola* (2016), serta menganalisis bagaimana elemen-elemen tersebut

membentuk makna budaya melalui organisasi visual filem. Berdasarkan analisis yang dijalankan, kajian ini mendapati bahawa representasi budaya tradisional tidak hanya bergantung kepada simbol warisan yang bersifat eksplisit, tetapi turut dibentuk melalui ruang kediaman, objek domestik, pakaian harian, hubungan kekeluargaan dan amalan komuniti. Elemen-elemen tersebut memperoleh makna budaya melalui hubungan antara ruang, watak, objek dan aktiviti sosial yang dipersembahkan dalam filem. Dapatan ini menunjukkan bahawa *mise-en-scène* bukan sekadar berfungsi sebagai elemen estetik atau pelengkap penceritaan, sebaliknya merupakan mekanisme visual yang berperanan dalam pembentukan dan penyampaian makna budaya.

Dari sudut teoretikal, kajian ini memperlihatkan bagaimana konsep *mise-en-scène* Bordwell et al. (2020), teori representasi Hall (1997) dan konsep *living heritage* UNESCO (2003) dapat diintegrasikan bagi menjelaskan hubungan antara organisasi visual dengan pembentukan makna budaya. Melalui hubungan tersebut, *mise-en-scène* menyediakan asas untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen visual, manakala teori representasi membantu menjelaskan bagaimana elemen tersebut menghasilkan makna berdasarkan konteks budaya yang dipaparkan. Konsep *living heritage* pula memperkukuh pemahaman bahawa budaya tradisional tidak bersifat statik, sebaliknya terus memperoleh makna melalui amalan kehidupan masyarakat. Perspektif Geertz (1973) dan Bourdieu (1977) turut menyokong pentafsiran terhadap makna sosial, rutin dan hubungan antara individu dalam ruang budaya. Integrasi ini memperlihatkan bahawa representasi budaya dalam filem perlu difahami melalui hubungan antara bentuk visual, konteks sosial dan amalan kehidupan, bukan berdasarkan kewujudan sesuatu simbol atau objek secara terasing.

Dari sudut konseptual, kajian ini memperluaskan pemahaman terhadap budaya tradisional melalui pendekatan *living traditional culture*, iaitu budaya yang terus hadir dan dimaknakan melalui amalan kehidupan seharian. Analisis terhadap ruang kediaman keluarga Rahman dan keluarga Chow memperlihatkan bagaimana organisasi ruang, penggunaan objek domestik serta kedudukan watak membentuk representasi hubungan kekeluargaan dan amalan sosial. Sementara itu, ruang latihan, stadium dan tapak pesta menunjukkan bahawa kesinambungan budaya turut dapat ditafsir melalui kebersamaan, penyertaan kolektif dan interaksi komuniti. Walau bagaimanapun, aktiviti seperti bola sepak atau hiburan di tapak pesta tidak dianggap sebagai budaya tradisional secara automatik, sebaliknya diteliti berdasarkan hubungan aktiviti tersebut dengan amalan sosial dan pengalaman budaya masyarakat. Dalam konteks ini, filem *Ola Bola* memperlihatkan bagaimana budaya tradisional dapat direpresentasikan secara naturalistik melalui kehidupan harian tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada simbol warisan yang jelas.

Dari sudut metodologi, kajian ini menunjukkan kesesuaian pendekatan analisis kandungan visual secara kualitatif dalam meneliti representasi budaya melalui *mise-en-scène*. Pemilihan ruang dan lokasi budaya secara *purposive sampling*, diikuti dengan tontonan berulang, pengenalpastian elemen visual, pembentukan tema dan interpretasi budaya membolehkan penelitian dilakukan secara sistematik berdasarkan konteks visual yang relevan dengan objektif kajian. Pendekatan ini memberikan penekanan kepada hubungan antara elemen visual dengan makna budaya, bukannya jumlah kemunculan sesuatu babak atau objek dalam filem. Oleh itu, kajian ini menawarkan satu pendekatan analisis yang boleh dijadikan asas untuk penelitian terhadap representasi budaya dalam filem Malaysia yang lain, khususnya yang menampilkan kehidupan masyarakat melalui ruang domestik, komuniti dan ruang awam.

Secara keseluruhannya, kajian ini memperluaskan penelitian terdahulu terhadap filem *Ola Bola* yang lebih banyak memberikan perhatian kepada patriotisme, perpaduan, multikulturalisme dan identiti nasional dengan mengetengahkan dimensi visual budaya tradisional sebagai fokus analisis. Walau bagaimanapun, representasi kehidupan masa lalu dalam filem ini perlu difahami sebagai hasil rekonstruksi sinematik yang dipengaruhi oleh pemilihan visual dan penceritaan, bukannya gambaran

objektif terhadap realiti sejarah. Justeru, sumbangan utama kajian ini terletak pada usaha memperlihatkan bagaimana *mise-en-scène* membina makna *living traditional culture* melalui hubungan antara ruang, objek, watak dan amalan sosial. Kajian akan datang boleh memperluaskan pendekatan ini kepada filem-filem Malaysia yang lain bagi meneliti bagaimana budaya tradisional terus direpresentasikan, ditafsir dan dibentuk semula melalui bahasa visual sinema.

**PENGHARGAAN**

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam, komersial atau bukan berasaskan keuntungan. Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia (UUM), khususnya Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA), atas sokongan akademik dan kemudahan yang telah disediakan sepanjang pelaksanaan kajian ini.

**AUTHOR CONTRIBUTIONS**

All authors contributed to the study conception and design. Material preparation, data collection, and analysis were performed by all authors.

**CONFLICT OF INTEREST**

The authors declare that they have no known competing financial interests or personal relationships that could have appeared to influence the work reported in this paper.

**DATA AVAILABILITY**

The data that support the findings of this study are available from the corresponding author upon reasonable request.

**ETHICS STATEMENT**

Informed consent was obtained from all individual participants included in the study

**RUJUKAN**

## Artikal Jurnal

Ayob, A. H. (2024). A reinterpretation of Chiu Keng Guan's *Ola Bola*: A redefined notion of *Bangsa Malaysia* from an Islamic perspective. *Journal of Creative Industry and Sustainable Culture, 3*, 1–19. https://doi.org/10.32890/jcisc2024.3.1

Azman, F. N., & Wan Mahmud, W. A. (2019). Tahap literasi media mahasiswa ke arah pemahaman mesej patriotisme dalam filem *Ola Bola*. *Jurnal Wacana Sarjana, 3*(1), 1–12. https://doi.org/10.17576/jws.v3i1.201

Deraman, N. A., & Abdul Razak, F. H. (2018). A study of unity and patriotism elements in film *Ola Bola*: A thematic analysis. *Journal of Media and Information Warfare, 11*(2), 80–107.

Kim, K. (2015). Using film to teach cultural diversity and identity. *Journal of English Language and Literature, 57*(3), 39–58. https://doi.org/10.18853/jjell.2015.57.3.003

Maheendran, K. (2017). "We spoke different languages, yet we sang the same song": An analysis of multiculturalism in *Ola Bola*. *SEARCH Journal of Media and Communication Research, 9*(2).

## Buku

Bordwell, D., Thompson, K., & Smith, J. (2020). *Film art: An introduction* (12th ed.). McGraw-Hill Education.

Bourdieu, P. (1977). *Outline of a theory of practice* (R. Nice, Trans.). Cambridge University Press. https://doi.org/10.1017/CBO9780511812507

Geertz, C. (1973). *The interpretation of cultures*. Basic Books.

Hall, S. (Ed.). (1997). *Representation: Cultural representations and signifying practices*. SAGE Publications.

**Laman Web Rasmi / Dokumen**

UNESCO. (2003). *Convention for the safeguarding of the intangible cultural heritage*. UNESCO.

UNESCO. (n.d.). *Frequently asked questions: What is intangible cultural heritage or living heritage?* https://ich.unesco.org/en/faq-01058